

Headline	Kita akan mati bersama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	30	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	Abdul Razak Raaff	AdValue	RM 12,850
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,550



KES NAHAS JEMAAH HAJI

'Kita akan mati bersama'

» TH hulusumbangan RM20,000 kepada keluarga mangsa

Oleh Abdul Razak Raaff

✦ Kuantan

"Kita akan mati bersama" hanya itu mampu dibisikkan Rakhiah Ibrahim kepada rakan-rakannya, Allahyarham Fatimah Sa'id, yang cedera parah sejurus van dinaiki mereka merempuh belakang treler di Lebuhraya Pantai Timur (LPT), awal pagi kelmarin.

Rakhiah, 64, berkata beliau menyangka akan turut meninggal dunia, berikutan keadaan dirinya yang cedera parah dengan kaki berlipat hingga kepala, sambil ditindih Fatimah.

"Ketika itu, saya meminta maaf kepadanya tetapi tidak menyangka, dia (Fatimah) yang pergi dulu (meninggal dunia)," katanya sebak ketika ditemui di wad Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA).

Terdahulu, beliau diziarahi Pengerusi Lembaga Tabung

Haji (TH) Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim. Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-Tugas Khas Pahang, Datuk Syed Ibrahim Syed Ahmad.

Turut dirawat di hospital itu, pemandu van, Robaie Roslan, 45. Dalam kemalangan jam 3.40 pagi di Kilometer 210.2 LPT arah ke Kuantan dekat Gambang itu, tiga jemaah haji yang baru pulang dari Makkah, meninggal dunia di jam 3.40 pagi itu.

Selain Fatimah, 63, turut maut dalam kemalangan itu, Kamaruddin Ab Rahman, 43, dan ibunya, Zainab Awang Hassan, 59.

Suasana sayu, pilu

"Ketika nahas, saya masih berjaga dan berasa gegaran kuat sebelum berguling-guling dalam van. Bila keadaan reda, tubuh Fatimah menindih saya dengan keadaan dalam van

berselerak," katanya.

Sementara itu, suasana sayu dan pilu menyelubungi majlis tahlil di rumah Allahyarham Kamarudin Ab Rahman, 43, di Permatang Badak Maju, semalam.

Isteri Allahyarham, Tuan Mazlinawati Tuan Abdullah, 40, yang cedera ringan berkata, ketika di Makkah suaminya mula menunjukkan perubahan tingkah laku apabila sering bersendirian ketika beribadat.

"Saya pernah menegur keadaan itu, kerana dia seolah-olah tidak memerlukan saya lagi namun, dia hanya menjawab kalau hendak pergi, biarlah abang pergi seorang diri," kata ibu empat anak itu.

Sementara itu, Abdul Azeez turut menyampaikan sumbangan peribadi Perdana Menteri RM20,000 kepada empat anak Kamaruddin terdiri

daripada Aida Nabilah Kamarudin, 16; Faris Hakimi Kamarudin, 15; Aiman Ammar Kamarudin, 13 dan Amni Nadiyah Kamarudin, 10.

Aida Nabila belajar dalam Tingkatan Empat di Madrasah Darul Ikhwan Wakaf Tapai, Terengganu; Faris dan Aiman Ammar pula masing-masing dalam Tingkatan Tiga dan Satu di Maahad Tahfiz Darul Fikri, di sini; manakala Amni Nadiyah murid Tahun Empat di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak, di sini.

Beliau berkata, TH turut menghulurkan sumbangan RM20,000 kepada setiap keluarga mangsa yang meninggal dunia dalam kejadian itu bagi meringan beban mereka.

"Kita menyerahkan pendahuluan RM3,000 kepada keluarga tiga jemaah haji yang maut dalam nahas ini, manakala bakinya akan diserahkan dalam masa terdekat," katanya.

Headline	Kita akan mati bersama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	30	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	Abdul Razak Raaff	AdValue	RM 12,850
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,550



Abdul Azeez (dua dari kiri) **menziarahi Rakiah Ibrahim** mangsa yang terlibat dalam kemalangan di Hospital Tengku Ampuan Afzan.



Mangsa yang terselamat, Tuan Mazlinawati (kanan) bersama anak **tidak dapat menahan kesedihan** selepas suaminya terbabit dalam kemalangan maut ketika ditemui di rumahnya dekat Permatang Badak, Kuantan.